

17/05/1999

Kerajaan hargai jasa pendidik

Mohd Fuad Razali; Syuhada Choo Abdullah; Zulkofli Jamaluddin
KERAJAAN akan terus melaksanakan pelbagai agenda penting dalam profesion perguruan sebagai penghargaan terhadap budi dan jasa yang dicurahkan oleh golongan guru kepada negara.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata setakat ini kerajaan sudah meningkatkan kelayakan taraf kelayakan guru sekolah rendah daripada peringkat sijil kepada diploma serta menambah peluang kenaikan pangkat melalui sistem kenaikan pangkat secara tempoh waktu.

Selain itu, katanya, kerajaan juga mewujudkan jawatan Guru Cemerlang dan Pengetua Cemerlang, melaksanakan Program Khas Pensiswazahan Guru di samping menyediakan rumah kediaman ala kondominium yang lebih sesuai dan selesa serta menubuhkan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

"Memandangkan budi dan jasa guru kepada negara begitu besar selama ini, kerajaan sudah dan akan terus melaksanakan pelbagai agenda penting untuk mereka.

"Kita yakin, sebagai golongan yang menghayati sari pati pendidikan, guru akan tetap bersama kerajaan untuk terus berbudi," katanya di majlis pelancaran perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan di Sungai Besi, Selangor, semalam.

Majlis itu yang dihadiri lebih 4,000 guru, bekas guru dan pegawai pendidikan dari seluruh negara dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seramai 8,808 guru pelatih kumpulan pertama yang mengikuti program Diploma Perguruan Malaysia yang diperkenalkan pada 1996 akan tamat pengajian mereka tahun ini dan memulakan perkhidmatan pada 1 Julai ini. Mereka akan menikmati gaji permulaan RM917 sebulan.

Bagi kenaikan pangkat melalui sistem kenaikan pangkat secara tempoh waktu, tahun lalu 2,713 guru siswazah dan 1,970 guru bukan siswazah menikmati peluang itu.

Tahun ini, 700 guru siswazah dan 4,000 guru bukan siswazah akan mendapat peluang itu.

Untuk jawatan Guru Cemerlang pula, kerajaan meluluskan 2,600 jawatan itu dan sehingga 1 April lalu, sebanyak 1,255 jawatan sudah diisi.

Najib turut merakamkan penghargaannya kepada golongan guru di atas komitmen dan pengorbanan mereka sehingga negara berjaya meningkatkan pencapaian akademik pelajar, terutama dua tahun kebelakangan ini.

Katanya, pencapaian itu menambahkan lagi keyakinan bahawa guru sebagai golongan yang prihatin akan tetap memberi khidmat bakti yang tidak ternilai demi masa depan pelajar dan negara.

"Kejayaan yang dicapai oleh pelajar kita bukan sahaja turut dirasakan ibu bapa, malah guru-guru selalunya menjadi orang yang sentiasa berbangga apabila anak didik mereka beroleh kejayaan. Inilah suatu kepuasan dalam kehidupan seorang guru," katanya.

Beliau mengajak semua guru menghayati tema sambutan tahun ini, Guru Berkesan Pendidikan Cemerlang, kerana menurutnya, guru yang berkesan akan melahirkan pelajar dan pewaris masa depan yang terdidik dan mampu menghadapi cabaran.

Sehubungan itu, katanya, guru perlu mengenal pasti, memberi galakan, memperkukuh dan hidup sebagai teladan ikutan bagi menghadapi cabaran masa depan.

Menurutnya, guru bukan sahaja perlu memiliki tahap ilmu yang tinggi, jujur, amanah, berpegang teguh kepada prinsip, yakin, berbudi mulai, sabar

dan komited, tetapi juga daya tahan yang kental untuk diteladani oleh pelajar.

"Guru sebagai cahaya yang melimpahkan sinarnya perlu memiliki sifat ini kerana matlamat akhir pendidikan ialah melahirkan individu yang cerdas, kreatif dan berbudi mulia.

"Sifat ini penting kerana alaf baru akan mengutamakan budaya hidup yang berasaskan ilmu pengetahuan.

"Guru yang mengabaikan tugas utama ini tidak akan berjaya melahirkan masyarakat yang mampu menghadapi cabaran progresif, kerana hanya guru berkesan dan pendidikan cemerlang akan melahirkan negara gemilang," katanya.

Najib juga berkata, peranan yang dimainkan oleh guru semenjak zaman sebelum merdeka hingga sekarang adalah amat bermakna.

"Guru dalam apa jua keadaan, suasana dan tempat tetap berperanan mencurahkan ilmu dan menggilap pekerti anak didiknya. Guru dengan aktif menterjemah wawasan dan aspirasi agama, bangsa dan negara," katanya.

Menurutnya, jika pada zaman penjajahan guru berjuang membanteras buta huruf, meniup semangat juang dan kemerdekaan, perjuangan guru kini ialah meletakkan bangsa dan negara setanding dengan masyarakat negara maju lain.

Sehubungan itu, beliau berkata perjuangan guru ialah mewujudkan masyarakat maju yang ekonominya berteraskan ilmu pengetahuan.

(END)